

## PENGARUH ILMU KOLONIAL DALAM PERMUZIUMAN DI MALAYSIA: SATU ANALISIS

\* **Rahimin Affandi Abdul Rahim, Ahmad Farid Abdul Jalal, Huzaimah Ismail,  
Abdul Halim Ismail, Muhd Imran Abd Razak**

Jabatan Fiqh dan Usul  
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM)  
50603 Lembah Pantai, Kuala Lumpur, Malaysia

\*Email penulis: [faqir\\_ilia\\_rabbih@um.edu.my](mailto:faqir_ilia_rabbih@um.edu.my)

Submission date: 1 February 2017 Accepted date: 23 March 2017 Published date: 15 May 2017

### Abstract

The invasion of the Western powers in the Malay dominion has spawned, among others, “ilmu colonial” or colonial science adopted by the Orientalists to study and comprehend “the colonised”, holistically. The objective of this study was to investigate the influence of colonial science on the development of knowledge about museums in Malaysia. This study used a qualitative method to analyse data related to science and writings by Orientalists. The study focused on its impact on museum institutions in Malaysia. In depth analyses were conducted on several key issues such as what is colonial science and how does it relate to the modern museum, and the impact of colonial science in Malaysia. According to the findings of the study, the impact of colonial science has left a long term, lasting effect on the museum institutions, education, and the sciences. It also directly impacted the course of the administrative institutions in Malaysia. Further in depth research is critically needed for all aspects of colonial science to correct and realign basic national foundation and sovereignty of the Malay community in particular.

### Abstrak

Penjajahan kuasa barat di Alam Melayu antara lainnya telah melahirkan ilmu kolonial yang dipergunakan oleh para orientalis untuk mengkaji masyarakat tanah jajahan secara lebih tuntas. Objektif kajian ini ialah mengkaji pengaruh ilmu kolonial terhadap pembangunan ilmu tentang permuziuman di Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan analisis terhadap data-data yang berkaitan ilmu kolonial dan penulisan para orientalis. Tumpuan kajian diberikan kepada impaknya terhadap institusi muzium di Malaysia. Analisis mendalam dilakukan terhadap beberapa isu utama; apakah ilmu kolonial dan kaitannya dengan muzium moden dan apakah impak ilmu kolonial di Malaysia. Hasil kajian mendapati, ilmu kolonial telah meninggalkan impak jangka panjang yang berkekalan, samada dari segi institusi muzium ataupun bidang keilmuan. Ia juga memberi impak langsung terhadap perjalanan institusi pentadbiran di Malaysia. Justeru itu, kajian secara kritikal lebih lanjut perlu dilakukan terhadap semua warisan ilmu kolonial bagi memperbetulkan dasar dan mendaulatkan masyarakat Melayu secara khususnya.

**Kata kunci:** *ilmu colonial; orientalisme; muzium; Malaysia*

### 1.0 PENDAHULUAN

Kajian ini akan melihat pengaruh ilmu kolonial dalam institusi muzium di Malaysia. Ilmu kolonial ini telah meninggalkan impak jangka panjang yang berkekalan di Malaysia, samada dari segi institusi muzium ataupun keilmuan terhadap perjalanan institusi pentadbiran negara. Jadi, kupasan mendalam

akan dilakukan terhadap beberapa isu utama; apakah ilmu kolonial, kaitannya dengan muzium moden dan apakah impak ilmu kolonial di Malaysia.

## **2.0 ILMU KOLONIAL DAN KAITANNYA DENGAN INSTITUSI MUZIUM MODEN**

### **2.1 Apakah Ilmu Kolonial**

Ilmu kolonial adalah ilmu yang dikumpulkan oleh sarjana-pentadbir British di Tanah Melayu yang mengandungi serba serbi maklumat tentang masyarakat tanah jajahan bagi tujuan pengawalan dan pemantauan yang sepatutnya. Ia berasaskan dasar dan epistemologi (falsafah, pendekatan, metodologi dan tafsiran) yang dilakukan oleh sarjana penjajah kolonial British tentang masyarakat tanah jajahan (Said, 1985).

Ilmu kolonial adalah sinonim dengan disiplin orientalisme, iaitu ilmu yang mengkaji ruang fizikal dan pemikiran masyarakat bukan Barat. Manakala orientalis ialah sekelompok ilmuan yang mengkaji Islam dari world-view mereka yang tersendiri. Mereka mengkaji ‘Timur’ secara budaya dan ideologi, sebagai suatu bentuk wacana dengan dokongan institusi, kosa kata, keilmuan, imajinasi, doktrin, birokrasi dan gaya kolonial (Said, 1985).

Mereka mendakwa kajian itu dilakukan demi nilai ilmiah yang murni tanpa ada maksud dan tujuan yang lain. Namun begitu, pandangan metodologi orientalis mengandung pelbagai bentuk provokasi dan konfrontasi terhadap kebudayaan tertentu. Ia dikonstruksi khusus untuk membezakan di antara masyarakat Timur dan Barat tanpa mengambil kira persetujuan mereka.

### **2.2 Bagaimana dan Kenapa ia Dibentuk**

Proses pembangunan ilmu kolonial di kawasan tanah jajahan seperti Tanah Melayu memang menjadi polisi utama yang ditetapkan oleh kuasa penjajah British. Projek Enlightenment dan Renaissance (program menghidupkan falsafah positivisme-sekularisme) giat berjalan dan falsafah ini diterima oleh kerajaan British dalam dasar negara (Wang, 1991). Justeru, Pejabat Tanah Jajahan di London telah menetapkan dasar agar ilmu kolonial diwujudkan bagi memastikan penjajahan dapat bertahan lama. Untuk itu, mereka memerlukan korpus ilmu khusus untuk menjayakan program ini. Atas dasar itu pentadbir British memerlukan pakar-pakar orientalis untuk membangun ilmu kolonial ini. Pakar inilah yang akan memberikan panduan bagaimana ilmu kolonial boleh dibangunkan. Dengan demikian pihak pusat perlu menerima pakai cadangan yang diberikan oleh pakar-pakar orientalis ini (Groeneboer, 1999). Antara mekanisme pembentukan sarjana-pentadbir kolonial:

- i) Memilih kader tertentu yang mampu menguasai bahasa dan budaya masyarakat tanah jajahan. Mereka perlu diterapkan dengan falsafah Euro-Centric dan melakukan provokasi dengan merendah-rendahkan bangsa bukan Barat. Mereka dilarang mengambil sikap bersimpati dengan masyarakat tanah jajahan (Raja, 2015).
- ii) IPT di Barat (British dan Belanda) ditugaskan melatih kader-kader ini tentang sejarah, bahasa, budaya dan ilmu filologi. Tujuannya ialah bagi menjalankan misi mendapatkan maklumat tentang masyarakat tanah jajahan (Sudibyo, 2007).
- iii) Calon yang terpilih ini perlu menjalankan misi mendapatkan sebanyak mungkin maklumat tentang masyarakat tanah jajahan untuk tujuan pentadbiran masyarakat. Contohnya, hal ini memang telah dikumpulkan oleh sejarawan Portugis, Belanda (Boxer, 1965) dan British.

- iv) Kader ini diwajibkan menjalankan usaha pengumpulan data melalui beberapa langkah seperti menguasai bahasa pribumi, melakukan survey mengenai kehidupan sosial mereka, pendekatan bincian, pengintipan, membina perpustakaan histiografi dan melakukan kajian filologi yang kemudiannya diterbitkan dalam bentuk bahan ilmiah untuk rujukan pentadbir dan akademik (Shamsul, 1983).
- v) Semua bahan mentah yang terkumpul ini dianalisa dan dijadikan sebagai asas untuk memahami dan menguasai masyarakat di tanah jajahan. Apa yang nyata, banyak dasar British di Tanah Melayu dibuat berdasarkan hasil dapatan kajian daripada bahan mentah ini.
- vi) Pihak Pejabat Tanah Jajahan perlu menerima pakai nasihat yang dicadangkan oleh sarjana-pentadbir kolonial. Contoh yang paling jelas dalam soal ini adalah dasar mewajibkan penggunaan bahasa penjajah di sekolah-sekolah tanah jajahan. Hal ini telah dijalankan mengikut cadangan yang dikemukakan oleh sarjana orientalis Inggeris di Tanah Melayu dan India serta pihak Belanda di Indonesia (Groeneboer, 1999).

Di Tanah Melayu, Raffles dianggap sebagai tokoh utama yang mewajibkan langkah-langkah ini dilakukan sehingga melahirkan ilmu kolonial (Mault, 2005). Secara terang-terangan kita boleh melihat bahawa ia dibuat demi kepentingan kuasa penjajah sepenuhnya tanpa mengambil kira kebijakan masyarakat tanah jajahan.

Dalam soal penguasaan masyarakat di tanah jajahan, ilmu kolonial telah menekankan beberapa perkara: Pertama, menerapkan kerangka pemikiran sekularisme dalam pemikiran masyarakat Melayu. Ia diterapkan melalui sistem pentadbiran dan pendidikan di Tanah Melayu. Mereka mengajar tentang world-view barat dalam soal-soal matlamat hidup, apa yang penting, bagaimana pengurusan serta penyelesaian masalah dan terpenting sekali mereka menolak semua world-view, cara hidup dan paradigma pemikiran Melayu. Ia antara lainnya merangkumi (Abdul Murad, 2005):

- i) Seandainya kemajuan dan pembangunan mahu dilaksanakan, negara bekas tanah jajahan (negara sedang membangun) perlu menjalankan sistem Barat yang bernuansa fahaman sekular dalam segenap segi kehidupan.
- ii) Semua sistem yang bertentangan dengan pandangan alam Barat seperti sistem kehidupan masyarakat Melayu-Islam akan dianggap sebagai ketinggalan zaman dan hanya mementingkan suatu etnik tertentu semata-mata.
- iii) Memperkenalkan kerangka pemikiran sekularisme dalam pemikiran masyarakat Melayu. Ia terdiri daripada:
  - a) Pengosongan alam tabii dan akal insani daripada unsur ketuhanan. Dalam kata lain manusia bebas melakukan sesuatu program pembangunan tanpa mempedulikan kuasa tuhan.
  - b) Penafian terhadap kekuasaan politik yang berdasarkan sumber agama.
  - c) Pengenalan sistem penilaian nisbi/relatif terhadap agama iaitu manusia bebas menentukan masa depannya sendiri.
  - d) Menurunkan taraf ilmu agama, berbanding dengan ilmu bukan agama. Dengan demikian, tumpuan lebih diberi kepada ilmu bukan agama yang kononnya boleh membawa kemajuan.
  - e) Memberi penakrifan konsep kebenaran yang keliru dan mengikut paradigma sekularisme.

Kesemua elemen ini kemudiannya kekal membelengu pemikiran anak didik British selepas merdeka. Golongan ini diulas dengan baik oleh dua orang sarjana Islam terkenal, Ibn Khaldun dan Syed Hussein al-Attas. Ibn Khaldun telah mengemukakan teori jiwa hamba yang dimiliki oleh bangsa yang pernah dijajah. Mereka akan menganggap kuasa bekas penjajah mereka sebagai suatu bangsa yang maju dan agung, yang patut ditiru oleh bangsa yang pernah dijajah.

Manakala Syed Hussein al-Attas pula mengemukakan teori mentaliti watak tertawan iaitu sikap yang terlalu pro nilai-nilai barat yang dipegang sesetengah kalangan masyarakat di Malaysia. Antara sikap utama golongan ini (Al-Attas, 2005):

- i) Sikap yang suka meniru secara tidak rasional terhadap semua nilai daripada Barat.
- ii) Tidak mampu menimbulkan idea ataupun pendekatan baru bagi menanggani persoalan hidup, sebaliknya lebih suka meneruskan warisan tinggalan penjajah.
- iii) Mendapat pendidikan langsung daripada institusi pendidikan Barat dan sering taksub dengan teori dan bahan bacaan daripada Barat.
- iv) Tidak mengamalkan sikap kritis dan tidak membantah apa-apa yang disajikan kepada mereka daripada sumber Barat.
- v) Tidak menyedari kelemahan sikap tertawan mereka terhadap apa-apa yang dinyatakan oleh Barat.
- vi) Sebagai lanjutan kepada sikap tertawan ini yang rata-ratanya menguasai pelbagai kalangan masyarakat, timbul beberapa persoalan sistem nilai yang masih gagal ditonjolkan secara tuntas di dalam masyarakat, yang terdiri daripada:
  - a) Masalah kurangnya sifat bersungguh-sungguh (sense of urgency) dalam melakukan sesuatu perkara.
  - b) Kurangnya ditonjolkan kepentingan sifat malu (sense of shame) di dalam masyarakat. Apa yang sepatutnya dirasakan malu tidak ditonjolkan, sebaliknya ia cuba ditenggelamkan.
  - c) Kurangnya masalah kebertanggungjawaban (sense of accountability).
  - d) Meluasnya gejala keruntuhan moral dan rasuah di dalam masyarakat.

Kedua, mereka mencanangkan bahawa British dianggap sebagai penyelamat (saviour) masyarakat Melayu (Winstedt, 1934) yang memperkenalkan sistem pendidikan Barat yang berorientasikan materialisme dan pemupukan budaya British yang dianggap baik. Namun begitu, hal ini hanya dikhususkan hanya kepada kelas feudal Melayu (Wheeler, 1996). Berasaskan maklumat daripada pengumpulan data tadi (Skeat, 1967) pentadbir British telah memperkuuhkan kedudukan kelas feudal Melayu. Mereka yang dilatih untuk menjadi golongan yang berwajah Melayu, tetapi roh dalamannya bersifat British yang dianggap dapat dijadikan sebagai jalan perantaraan yang terbaik untuk menguasai masyarakat Melayu yang secara tradisinya begitu menghormati golongan feudal ini (Khasnor, 1979).

### **3.0 IMPAK ILMU KOLONIAL TERHADAP PERKEMBANGAN MUZIUM DAN KEILMUAN DI MALAYSIA**

#### **3.1 Impak Positif**

Kita dapat mengesan beberapa impak positif yang disumbangkan oleh ilmu kolonial. Antaranya:

### **3.1.1 British Telah Memperkenalkan Konsep Muzium Pertama di Tanah Melayu**

Pada awal abad ke 20, muzium dikenali sebagai ‘sekolah gambar’ oleh penduduk Tanah Melayu. Institusi permuziuman di Malaysia bermula dengan penubuhan Muzium Perak di Taiping pada tahun 1883. Idea penubuhannya dicetuskan oleh Residen British Perak ketika itu iaitu Sir Hugh Low yang mengarahkan Leornard Wray Junior (Peacock, 1955), seorang Pegawai Penguatkuasa dalam Organisasi Pentadbiran Taman Bukit Larut untuk mengumpulkan segala bahan berkaitan sejarah, sosio-ekonomi, etnologi, geologi, botani dan zoologi. Pada ketika itu, pihak Inggeris merasakan perlunya sebuah pusat untuk mengkaji budaya dan adat resam setempat. Tujuannya adalah untuk memahami cara hidup masyarakat tempatan bagi memudahkan mereka mentadbir jajahannya. Selain itu, muzium turut dijadikan sebagai pusat rekreasi dan tempat pertemuan sosial komuniti penjajah. Ia juga merupakan salah satu instrumen propaganda pihak Inggeris untuk memperlihatkan sumbangan penjajah kepada masyarakat yang dijajah.

Pada tahun 1888, Muzium Sarawak ditubuhkan di Kuching oleh Raja Sarawak kedua, Sir Charles Brooke. Kemudian, pada tahun 1907, Muzium Selangor pula ditubuhkan. Bagaimanapun, bangunannya hampir musnah akibat terkena ledakan bom yang digugurkan oleh kapal terbang B29 tentera Bersekutu pada 10 Mac 1945 iaitu di akhir Perang Dunia Kedua. Selepas negara mencapai kemerdekaan, Muzium Negara dibina di atas tapak yang sama dan dirasmikan penubuhannya pada 31 Ogos 1963. Sorotan daripada itu, penubuhan muzium di negara ini semakin berkembang pesat hingga ke hari ini. Setiap muzium mempunyai objektif penubuhannya yang tersendiri dan dibina dengan berpaksikan kekuatan koleksi yang amat tinggi nilai sejarahnya. Berdasarkan statistik terkini oleh Jabatan Muzium Malaysia, kini negara kita mempunyai sebanyak 189 buah muzium di seluruh negara termasuk muzium-muzium di bawah kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan, agensi-agensi kerajaan, pihak swasta dan institusi-institusi pendidikan (Nor Hanisah, 2016).

Kewujudan muzium merupakan salah satu usaha ke arah mengekalkan khazanah warisan sejarah dan budaya bangsa kita. Koleksi-koleksi yang bernilai ini merupakan bukti sesuatu peristiwa atau sejarah lampau yang telah berlaku di negara kita. Muzium memainkan peranan yang sangat penting sebagai pusat rujukan dan penyelidikan. Pelbagai kajian dan penulisan di dokumentasikan bagi tujuan menyebarkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat agar mengenali dan mengetahui jati diri bangsa.

### **3.1.2 Pihak British Telah Melakukan Proses Pemeliharaan Artifak dan Manuskrip Melayu**

Merujuk khusus pada manuskrip Islam, memang banyak sekali manuskrip Islam telah pun rosak kerana tanpa penjagaan rapi. Contohnya boleh dilihat kepada koleksi manuskrip Tanah Abe di Aceh yang telah musnah dan rosak teruk kerana faktor cuaca persekitaran. Iklim panas lembab menyebabkan berlaku proses pereputan, di samping lahirnya anai-anai yang merosakkan manuskrip ini. Hal ini tidak akan berterusan andainya manuskrip Islam ini diletakkan di bawah kelolaan perpusatakan moden seperti Perpustakaan Nasional Indonesia, perpustakaan negara, Muzium British, Public Office dan Leiden. Dalam perkembangan terkini, manuskrip berharga ini telah dijadikan dalam bentuk digital yang mampu dijaga dan diaseskan oleh semua lapisan Masyarakat.

Atas dasar itu, usaha pihak kolonial seperti British dan Belanda ini boleh dianggap sebagai penyelamat kerana berjaya menyelamatkan bahan-bahan ini terus musnah. Pihak kolonial memang menghargai manuskrip Melayu dan menaruh perhatian terhadap pengumpulan dan penyalinannya. Pihak Belanda di Indonesia sejak tahun 1819 telah mewujudkan General Sekretariat bagi tujuan pengumpulan dan penyalinan ini. Malah orang perseorangan daripada pihak British dan Belanda mempunyai inisiatif sendiri untuk tujuan pengumpulan dan menyalinnya dengan bantuan jurutulis. Misalnya Raffles mempunyai jurutulis khusus untuk tujuan ini. Biarpun begitu, hasil yang dikumpul ini dibawa pulang ke Eropah (Abu Hassan, 1995).

### 3.1.3 Proses Pengumpulan dan Pengklasifikasi Bahan Tentang Tanah Melayu

Proses pengumpulan dan pengklasifikasi bahan ini dalam bentuk rekod dan historiografi Tanah Melayu memang dilakukan di British Muzeum. Ia menjadi bahan kajian lanjutan oleh pengkaji Barat dan Islam selepas merdeka. Tidak keterlaluan dikatakan bahawa teknik dan kaedah pemeliharaan dan klasifikasi ini telah dipelajari oleh masyarakat bekas tanah jajahan dengan pihak Barat (Johan, 1979).

Pusat kajian orientalis yang bernaung di bawah beberapa IPT terkenal di Barat memang cukup prolifik sekali di dalam melahirkan kajian kritis terhadap subjek Melayu dan Islam. Ini kerana mereka memiliki akses kepada sumber historiografi masyarakat tanah jajahan seperti mana yang terdapat di Muzium British dan Leiden.

Berasaskan kepada fakta ini, kita terpaksa menggunakan pendekatan yang lebih adil, terbuka dan selektif di dalam menilai genre orientalisme khususnya yang berkaitan dengan sejarah tamadun Islam di Alam Melayu. Maknanya, kaedah penilaian yang agak berbeza perlu diambil, berbeza dengan pendekatan anti melulu terhadap dunia barat yang biasanya dipakai oleh sarjana Islam semasa. Mengikut hemat penulis, paradigma ini memang mempunyai justifikasinya dalam sejarah tamadun keilmuan Islam sendiri. Hal ini ditegaskan dengan cukup tuntas oleh Prof. Wan Mohd Nor Wan Daud yang apabila meneliti tentang sikap yang terlalu negatif terhadap genre orientalisme, dengan menegaskan bahawa terdapat sejumlah besar dari sarjana Islam sendiri yang telah dijangkiti penyakit ‘westophobia’ iaitu sikap takut dan benci yang tidak rasional terhadap Barat. Pada dasarnya, penyakit ini adalah serpihan daripada penyakit akal iaitu ‘xenophobia’ yang menyebabkan penghidapnya sentiasa takut kepada unsur-unsur luar (Syed Muhammad, 1999).

Secara kasarnya, terdapat banyak faedah daripada ilmu kolonial yang boleh dimanfaatkan bagi program pembinaan tamadun Islam secara amnya dan tamadun Islam di Malaysia khususnya. Hal ini juga dapat dilihat intipati secara langsung daripada kesungguhan sarjana orientalis yang mengkaji karya-karya yang dihasilkan oleh ilmuan Islam dalam pelbagai bidang, seperti Ibn Khaldun, al-Mawardi, Tabari dan sebagainya.

### 3.1.4 Koleksi Muzium dan Ilmu Kolonial Menjana Sikap Responsif Sarjana Melayu-Islam

Apa yang jelasnya, kupasan daripada sarjana kolonial telah mengalakkan sarjana Islam menjalankan pendekatan responsif dengan menjawab segala tohmahan buruk yang diutarakan oleh sarjana kolonial. Dari segi pencambahan pemikiran Islam, sikap leka dan nastalgia dengan pencapaian tamadun silam biasanya akan menyebabkan daya ketajaman analisis-kritis tidak akan berlaku. Sebaliknya andainya perbahasan secara ilmiah (*intellectual discourse*) itu sentiasa berlaku samada dalam bentuk penerimaan ataupun penolakan terhadap sesuatu idea, ianya bakal menjana wujudnya perkembangan pemikiran yang sihat. Dalam soal ini, beberapa contoh yang agak relevan boleh diutarakan, antaranya seperti:

Pertama; pandangan Hazarain dengan Teori *Receptio in complexu* yang menjawab dan menolak teori yang dikemukakan oleh Snouck Hurgronje, Teori *Reception Exit*. Teori *Receptio in complexu* menegaskan bahawa dengan wujudnya institusi politik dan pendidikan Islam yang cukup kuat di dalam masyarakat Melayu-Islam, hukum Islam telah mendapat tempat yang cukup kuat di dalam masyarakat sehingga ianya telah menjadi adat kebiasaan (*'urf*) dan asas untuk jati diri dalam kehidupan masyarakat Melayu. Manakala pihak penjajah Barat pula dengan berpandukan teori *Reception Exit* telah meminggirkan hukum Islam yang dikatakan bersifat ketinggalan dan perlu diganti dengan sistem perundangan Barat yang kononnya lebih bersifat moden. Usaha mereka kemudiannya telah semakin parah lagi apabila sistem pendidikan perundangan ala Barat diperkenalkan mengantikan sistem pendidikan Islam yang dipinggirkan daripada arus perdana. Akibatnya, telah lahir beberapa orang pengamal undang-undang di Malaysia yang begitu taksub dengan sistem perundangan Barat (Imam Syaukani, 1999).

Kedua; Pandangan Hooker yang memandang rendah sumbangan ulama Melayu silam yang dikatakan sebagai hanya penterjemah karya-karya ulamak Timur Tengah yang baik tanpa disertakan dengan daya analisis yang memasukkan pandangan ulamak Melayu sendiri. Beliau juga mendakwa bahawa tiada suatu pun karya ilmu *usul al-fiqh* yang mengupas elemen pemikiran hukum Islam yang tersebar di Alam Melayu. Hal ini telah ditolak oleh sejumlah sarjana Melayu seperti Ismail Mat yang menegaskan bahawa ulama Melayu silam secara tuntas telah turut mengulas dan melakukan elemen sentesis yang memperkayakan karya timur tengah dengan nilai tempatan ('urf) Melayu. Contohnya, Hukum Kanun Melaka mustahil dapat dihasilkan oleh sarjana Melayu tanpa berasaskan kepada pemahaman ilmu *usul al-fiqh* yang jitu (Abd. Rahim, 2003).

Ketiga; teori yang dikemukakan oleh sarjana orientalis yang memperkecilkan peranan Islam di dalam masyarakat Melayu. Mereka mendakwa bahawa Islam hanyalah selaput luar daripada diri masyarakat Melayu, sedangkan isi dalamannya masih lagi secara kuat berpegang kepada ajaran Hindu-Buddha. Teori ini secara langsung telah ditolak oleh S.M. Naquib al-Attas yang membuktikan bagaimana proses Islamisasi di Alam Melayu telah berjaya menghakis saki baki ajaran pra Islam di dalam kehidupan masyarakat Melayu yang digantikan dengan unsur rasionalisme yang cukup tinggi (Al-Attas, 1969).

Keempat; kajian yang dilakukan oleh Abdul Aziz Mat Ton yang telah menolak tohmahan dan pendapat William Roff yang memandang rendah sumbangan yang diberikan oleh majalah al-Imam yang diusahakan oleh Kaum Muda ke arah mewujudkan semangat nasionalisme yang terawal di Tanah Melayu. Kajian Abdul Aziz Mat Ton ini telah mengubah persepsi sejarah perjuangan Islam yang dominan di Tanah Melayu yang menegaskan bahawa golongan anak didik penjajah yang terdiri dari pembesar Melayu merupakan tokoh ulung yang memainkan peranan membangkitkan semangat nasionalisme di Tanah Melayu. Sebaliknya, daripada pembentangan fakta dan tafsiran yang menggunakan serangkaian rekod pihak British, beliau telah berjaya menunjukkan bagaimana perjuangan awal kaum muda ini yang kemudiannya diikuti dengan kebangkitan golongan ulama Melayu telah menimbulkan pelbagai masalah kepada pihak British, yang menyebabkan pihak British menguatkuasakan pelbagai bentuk penindasan ke atas ulama Islam (Mat Tom, 2000).

Kelima; kajian yang dilakukan oleh Muhammad Redzuan Othman telah menolak dakwaan William Roff yang menyatakan bahawa perkembangan kemajuan moden di Tanah Melayu merangkumi sistem pendidikan, celik huruf dan pengenalan sistem penerbitan buku dan majalah telah diperkenalkan buat pertama kalinya di Tanah Melayu oleh pihak British. Sebaliknya, hasil kajian ini mendapati perkembangan pemodenan sebenar telahpun kedapatan dengan begitu meluas akibat dari hubungan intelektual yang wujud di antara rantau Alam Melayu dengan Mekah, yang merupakan pusat pertemuan dan pendidikan ummah Islam sedunia (Othman, 1988).

Selain itu, genre orientalisme dan ilmu kolonial juga secara langsung telah mendedahkan kepada dunia luar tentang tamadun Islam. Usaha ini telah dianggap sebagai pencetus awal yang bakal melahirkan pelbagai kajian susulan ataupun kajian lanjutan yang dilakukan oleh sarjana lain menyentuh tentang tamadun Islam, tidak kira lah ianya dalam bentuk yang positif (Just World Trust, 1995) ataupun negatif (Siddiqui, 1996). Pusat Kajian Orientalisme barat memang cukup berpengalaman di dalam menghasilkan bahan kajian yang kaya dengan unsur-unsur *mechanical* analisis data yang dibuat terhadap karya-karya tradisi Islam. Sebagai lanjutan dari penggunaan pendekatan *historicism* dan fenomenologi, sarjana orientalis telah berusaha melakukan analisis data terhadap karya-karya klasik umat Islam. Antara bahan-bahan yang dimaksudkan ini adalah seperti Index Islamicus, Encyclopedia of Islam, Mu'jam al-Quran dan Sunnah, terjemahan tafsir Quran, Sirah Nabawi dan terjemahan terhadap karya-karya sintesis fuqaha silam (Siddiqi, 1996). Hasilnya, kajian-kajian bentuk ini telah membantu proses penyelidikan yang dilakukan oleh seseorang penyelidik termasuklah penyelidik Islam sendiri.

### **3.1.5 Maklumat Tentang Negeri Pahang Mengikut Paparan Ilmu Kolonial**

Terdapat beberapa orang pentadbir-kolonial yang terlibat mengkaji, melawat dan mencatat perkembangan yang berlaku di Pahang pada abad 18. Antaranya adalah Abdullah Munsyi, W. Linehan, W.M. Davison, R.G. Cant, W.P. Panton, J.B. Scrivener, Frank Swethnam, R.O. Winstedt dan Moshe Yegar. Namun secara positifnya, kita dapat mengetahui bagaimana realiti negeri Pahang daripada paparan para kolonialis ini. Di samping itu juga, kita dapat menyelami taktik buruk yang dipergunakan oleh pihak kolonialis. Antara maklumat ini:

1. Kekayaan hasil bumi dan potensi ekonomi negeri Pahang yang mempunyai banyak galian berguna seperti bijih timah, besi dan emas. Pahang dikatakan memiliki hasil hutan yang banyak dan masih belum ditebus guna sepenuhnya. Selain daripada orang cina dan siam, bangsa Eropah belum lagi datang untuk mengambil hasil bumi dan potensi negeri Pahang. Selain itu, pihak kolonis bimbang kedatangan bangsa Eropah yang lain ke Pahang yang bakal menganggu polisi monopoli mereka di Tanah Melayu.
2. Maklumat terperinci tentang muka bumi Pahang yang penuh dengan hutan, bukit gunung ganang, hasil sungai yang kaya, tanah yang subur, alam fauna dan flora yang sangat kaya untuk dipergunakan sepenuhnya.
3. Paparan tentang kedegilan bendahara Wan Ahmad menerima campur tangan British. Ini adalah kerana beliau telah dimaklumi elemen negatif yang dilakukan oleh British apabila mereka campur tangan di Perak.
4. Mengakui kehebatan Dato Bahaman dan pahlawan Melayu lain dalam penentangan melawan British di Pahang.
5. Mengetahui tipu muslihat penjajahan British di Tanah Melayu apabila mereka cuba mempergunakan adik bendahara Wan Ahmad sebab sebab untuk campur tangan di Pahang, di samping ingin menjadikannya sebagai boneka British di Pahang. Dalam kes yang lain, kita dapat mengetahui bagaimana mereka cuba mempergunakan isu pembunuhan warga negeri selat (Arab dan Cina) oleh pembesar Pahang.

### **3.2 Impak Negatif**

Di sebalik impak positif di atas, tidak dapat dinafikan terdapat juga impak negatif yang dibawakan oleh ilmu kolonial. Antaranya:

#### **3.2.1 Falsafah dan *World-View* Sekular Barat Sebagai Asas Ilmu Kolonial**

Di peringkat falsafah, pembinaan ilmu kolonial ini dibuat berdasarkan beberapa falsafah; Pertama, falsafah evolutionism yang menganggap tamadun Barat sebagai lebih tinggi berbanding dengan tamadun Timur (Said, 1981). Pencapaian tamadun Barat yang membanggakan ini kononnya disebabkan kerana penerimaan fahaman sekularisme yang menolak kepentingan agama di dalam hidup manusia (Kling, 1994). Sebaliknya, masyarakat selain barat yang masih berpegang kepada agama telah dianggap sebagai mundur, bodoh, bebal dan tidak bertamadun yang harus ditamadunkan oleh masyarakat Eropah, melalui proses penjajahan (Swettenham, 1893). Bahkan kononnya tugas menjajah demi untuk mengajar masyarakat Timur ini telah dianggap sebagai tanggungjawab sosial yang terpaksa dimainkan oleh masyarakat Eropah (Gungwu, 1970).

Berdasarkan kepada hal ini, ia dapat mendorong kebanyakan sarjana barat yang mengkaji terhadap undang-undang adat Melayu mengambil pendekatan memburuk-burukkan undang-undang Islam yang dianggap sebagai ketinggalan zaman, zalim dan tidak berperikemanusiaan (Sham & Salim, 1995) dan banyak lagi bentuk keburukan yang dinisbahkan kepada syariah Islam. Begitu juga semua sifat buruk

yang dipunyai oleh orang Melayu dikatakan berpunca dari pengamalan mereka terhadap ajaran Islam, seperti suka berserah kepada takdir, tidak menghargai masa (Swettenham, 1895), menolak pemodenan (Swettenham, 1955) dan sebagainya yang perlu diubah dengan memperkenalkan cara hidup barat, termasuklah sistem undang-undang Eropah.

Kedua, pendekatan diffusionisme yang menganggap kemajuan masyarakat Melayu bukan kerana sifat asal diri mereka yang baik dan proaktif terhadap sesuatu kemajuan (Kling, 1994), tetapi kerana faktor pengaruh budaya asing (difusi budaya) yang secara langsung telah ditiru oleh masyarakat Melayu. Sikap ini secara terang-terang telah menafikan kepandaian masyarakat tempatan (local genius) di dalam membina sesuatu tamadun tempatan (Turner, 1964).

### **3.2.2 Gambaran Buruk Tentang Manusia Melayu**

Koleksi historiografi milik masyarakat Melayu yang berupa manuskrip Melayu-Islam dianggap sebagai warisan yang sangat berharga. Ia sejak sekian lama telah dijadikan sumber normatif ataupun bahan kajian utama untuk memahami dan memperihalkan tentang watak manusia Melayu-Islam. Ironisnya, pendedahan tentang pencapaian intelektual manusia Melayu-Islam yang difahami oleh sarjana Barat melalui bahan kajian ini seringkali agak mengecewakan. Hal ini berlaku antara lainnya berpunca daripada kelemahan metodologi kajian manuskrip yang dipakai oleh genre orientalisme Barat (Abd Rahman, 2012).

Dalam menghurai watak manusia Melayu melalui koleksi historiografi ini, mereka sejak awal lagi (semacam pre conceived idea) menetapkan beberapa ciri utama yang kemudiannya diolah dengan pelbagai teknik (Alwee, 2002), antaranya:

- i) Ia statik dan ahistorical. Orang Melayu sebagai statik dan tidak boleh berubah. Pemikiran ahistorical enggan mengendahkan perubahan yang boleh berlaku dalam persekitaran dan budaya sesuatu masyarakat dari zaman ke zaman. Ia dianggap sebagai sifat semulajadi orang Melayu yang statik dan tidak berubah ke arah kebaikan.
- ii) Mutunya rendah, ringkas, primitif dan irrasional, tetapi bersifat eksotik dan memukau.
- iii) Bersifat sterotaip dalam bentuk prejedis ras yang ketara. Watak orang Melayu disifatkan malas, fatalis, berpuashati dengan apa yang dimiliki dan berlaku kerana faktor genetik yang rendah. Sifat utama kajian-kajian ini mendedahkan dan menyebarkan propaganda kononnya masyarakat Melayu adalah bersifat negatif seperti malas (Wright & Reid, 1912), suka berpoya-poya (De Eredia, 1930), keras kepala (Raffles, 1930), tidak boleh diharap (Richmond, 1928), suka berhutang (Swettenham, 1895) dan sebagainya.
- iv) Huraian dalam bentuk reduksionisme yang merendahkan orang Melayu, tanpa dikaji apakah sebab kemunduran berlaku kepada orang Melayu.
- v) Keasyikan kajian mereka lebih ditumpukan kepada kajian tekstual (filologikal). Ia merupakan usaha mengedit teks yang ditransliterasi dan pencarian kepada versi-versi teks yang asli. Mereka lebih asyik menghurai leksikon dan perubahan simantik yang terdapat dalam teks. Bagi mereka, dengan mengkaji teks, hanya dengan analisis perkataan dan lapisan etimologinya mereka akan menemukan rahsia mengapa orang Melayu berfikir dan bertindak. Ianya dibuat tanpa mempedulikan kondisi sejarah dan suasana masyarakat yang berkaitan.
- vi) Mengabaikan penggunaan pendekatan sains diagnostik sosial. Bagi mereka, pendekatan sains sosial agak janggal untuk digunakan mengkaji fenomena sosial orang Melayu.
- vii) Elemen keunggulan pencapaian manusia Melayu akan dileyapkan. Sebaliknya hal pencapaian ini dikaitkan dengan usaha gigih kolonialis menjajah dan membangunkan tamadun orang Melayu.

Selepas merdeka, pendekatan stereotaip ras yang menetapkan pelbagai sifat negatif kepada semua lapisan kaum di Malaysia terus kekal dan disebarluaskan ke peringkat antarabangsa. Bangsa Melayu dikatakan sebagai bangsa yang malas, suka berkhayal dan tidak boleh dipercayai, bangsa Cina dinisbahkan sebagai bangsa pencandu dan suka berjudi dan bangsa India pula dinisbahkan sebagai bangsa yang lemah daya intelektual, pengotor dan kuat minum arak. Pendedahan yang bersifat stereotype ini bakal menyebabkan semua bangsa Malaysia akan merasa malu dan hilang maruah diri untuk berhadapan dengan bangsa lain di dunia ini. Apa yang lebih buruk lagi, masyarakat Malaysia selepas merdeka akan beranggapan bahawa semua warisan silam bangsa mereka bersifat rendah dan ketinggalan zaman berbanding dengan warisan yang ditinggalkan oleh warisan tamadun barat, yang juga dikenali sebagai pendekatan euro-centric (Mohd Noor, 2001).

### **3.2.3 Penafian Terhadap Peranan Islam Di Alam Melayu**

Menurut Dr. Tatiana A. Denisova, seorang pakar sejarah Alam Melayu yang asalnya daripada Rusia; sarjana-pentadbir kolonial atau sarjana orientalis semacam dirasuk dengan semangat kebencian yang melampau terhadap Islam dan penganutnya yang komitted seperti masyarakat Melayu (Denisova, 2008).

“Salah satu kekurangan yang umum yang terdapat dalam kebanyakan tulisan para orientalis Barat itu adalah sikap negatif dan pengabaian terhadap Islam dan umat Muslim. Sebagai contoh, sikap yang tidak bijaksana itu dan yang cukup tipikal (lazim) untuk ilmu orientalis, yang boleh kita sebut, misalnya tulisan Prof. D. B. McDonald, The Religious Attitude and Life in Islam atau H. A. R. Gibb, Modern Trends in Islam. Di dalamnya kedua ilmuwan yang cukup terkenal itu antara lain cuba membuktikan secara bersungguh-sungguh bahawa Nabi Muhammad s.a.w. adalah “psychopath” dan “mentally ill”, atau dengan kata lain ‘orang gila’. Tentang hal itu Dr. Mukti Ali berkata secara betul: Tak ada seorang pun daripada para ilmuwan Muslim, yang terlintas dalam angannya menyelidiki adakah Jesus Christ orang gila atau tidak. Isa al-Masih dianggap dan dihormati oleh orang Muslim sebagai nabi. Salah satu prinsip yang terutama yang mesti menjadi dasar dalam semua kajian ilmiah itu adalah sikap baik hati dan objektif. Tetapi sampai sekarang juga berbagai-bagai orientalis Barat tidak begitu berminat dengan hasil penelitian yang objektif. Kebanyakannya berusaha saja menggunakan setiap alasan untuk membuktikan sifat-sifat negatif Islam”.

Jelasnya lagi;

“Selain itu, tulisan-tulisan para orientalis itu turut menimbulkan dan menyebarkan beberapa prasangka atau “mitos” tentang Islam Melayu dan warisan sejarah Islam Melayu. Yang paling lazim antaranya ialah :

- i) Perkenalan pertama orang Melayu dengan Islam dan orang Muslim terjadi pada kurun ke-13 hingga 14 atau selepas itu.
- ii) Islam datang ke Alam Melayu dari India dan dibawa oleh orang India.
- iii) Islam dalam Alam Melayu bukan semacam Islam Klasik, Islam Asli, Islam yang betul-betul. Islam Melayu adalah hanya campuran beberapa istilah-istilah Islam dengan tradisi Hindu-Buddha India dan paganism tempatan.
- iv) Masuknya Islam ke dalam Alam Melayu terjadi waktu itu secara kebetulan sahaja. Islam tidak bermakna dari segi sejarah alam Melayu. Kedatangannya tidak mengubah apa-apa dalam masyarakat dan kebudayaan Melayu.
- v) Islam tidak mempengaruhi dan tidak memajukan perkembangan ekonomi dalam Alam Melayu.
- vi) Islam adalah sistem pandangan yang sangat agresif sejak awal-awalnya.

- vii) Orang Barat datang ke Alam Melayu sebagai orang pendamai tanpa tujuan agresif. Mereka yang berjasa dalam kemajuan masyarakat Melayu.
- viii) Khazanah persuratan Melayu Islam tidak boleh dianggap sebagai sumber sejarah yang sepatutnya, yang boleh dipercayai”.

Sarjana-pentadbir kolonial sejak awal lagi mendokong teori Islamisasi daripada India bagi memperlihatkan bentuk ajaran Islam yang sampai ke Alam Melayu dalam bentuk yang tidak murni. Bagi mereka, Islam yang datang ke Alam Melayu ini pada peringkat awalnya bukanlah dalam bentuknya yang sejati tetapi telah dicirikan dengan beberapa aspek negatif melibatkan para mubaligh yang awal (Elias, 2012). Sarjana kolonial turut menegaskan bahawa proses Islamisasi Alam Melayu yang diusahakan oleh mubaligh awal penuh dengan paksaan dan tipu muslihat. Mubaligh ini didakwa mempengaruhi masyarakat Alam Melayu untuk bersikap ganas pada bangsa Eropah sebagai akibat daripada semangat Perang Salib yang berlaku di Timur Tengah. Mereka menilai undang-undang Islam yang diamalkan dalam masyarakat Melayu sebagai ketinggalan zaman dan hanya sesuai dipakai untuk konsteks masyarakat Timur Tengah abad pertengahan (Abd Rahman, 2012).

Walaupun mereka berusaha mengumpulkan karya manuskrip Melayu Islam yang dianggap sebagai bahan historiografi milik masyarakat Melayu, tetapi ianya dianggap tidak mempunyai apa-apa kepentingan. Lebih buruk lagi, dalam kajian filologi terhadap manuskrip Melayu-Islam ini, mereka secara langsung merendahkan keupayaan sarjana Melayu-Islam. Kewujudan karya-karya ini sepatutnya dijadikan sebagai bukti untuk mengetahui tahap kesarjanaan ulama Melayu di dalam usaha mereka mengajar, menyusun dan menerapkan ajaran Islam ke dalam masyarakat. Namun begitu, mereka memandang negatif terhadap pencapaian ulama Melayu yang dikatakan sebagai jumud (Hooker, 1984), tidak menyumbangkan apa-apa sumbangan yang bermakna dalam keilmuan Islam, terlalu terpengaruh dengan pendekatan taqlid (Hooker, 1983) dan terlalu mengikut kehendak raja Melayu (Sullivan, 1982).

Mereka menegaskan bahawa Islam tidak memberi apa-apa impak positif kepada masyarakat Melayu. Bahkan pengaruh pra Islam (Hindu-Buddha dan animisme) dianggap lebih baik berbanding dengan Islam. Hal ini ditegaskan oleh Raffles berulang kali walaupun dia memaklumi pencapaian intelektual ulamak Islam di abad 16-17 dengan penghasilan karya kitab jawi. Hal ini terbukti apabila dia menjalankan polisi mendapatkan sebanyak mungkin manuskrip Islam daripada masyarakat Melayu, dengan melantik Abdullah Munsyi sebagai agen untuk usaha pengumpulan manuskrip Melayu Islam ini. Boleh dikatakan sebahagian besar daripada koleksi manuskrip Melayu Islam di British muzium sebagai hasil usaha beliau (Al-Junied, 2003).

Raffles mengeluarkan pandangan bahawa andainya tradisi Hindu masih berkuasa sudah pasti tamadun Melayu akan menjadi maju. Hal ini terbukti dengan wujudnya monumen Hindu seperti Candi Borobudur yang hebat. Sedangkan Islam tidak mempunyai kesemua monumen ini. Dalam banyak hal, ia menghargai budaya Hindu yang menekankan kasta kerana ketaatan masyarakat bawahan kepada kasta atasan akan memudahkan kuasa British menguasai politik-ekonomi masyarakat tanah jajahan. Lebih penting lagi, dalam agama Hindu tiada fahaman jihad melawan penjajah yang bakal menjelaskan kuasa penjajah British.

Mereka secara berlebihan mendakwa Islam tidak memberi apa-apa kesan positif kepada masyarakat Melayu, berbanding dengan proses Indianisasi Alam Melayu sebelumnya. Bahkan pengaruh Indianisasi dilihat lebih positif di dalam membawa elemen tamadun kepada masyarakat Alam Melayu. Hal ini dinilai daripada segi wujudnya artifak hebat, wujud masyarakat yang damai dan tidak memusuhi kuasa Barat (Abdul Rani, 2005). Lebih penting lagi, mereka berlebihan mengagungkan tamadun kebendaan dan sastera Hindu kepada masyarakat Alam Melayu, walaupun kesemuannya tidak mengandungi penggunaan daya artikulasi kritikal dalam kehidupan bermasyarakat.

### 3.2.4 Sikap Skeptikal Terhadap Peranan Sejarah Islam Di Alam Melayu

Sarjana kolonial menafikan otoriti sumber sejarah tempatan Alam Melayu yang dikatakan penuh elemen feudalism dan mitos. Bagi mereka, sumber sejarah Alam Melayu merangkumi Hikayat Raja Pasai, Sejarah Melayu, Hikayat Aceh, Hikayat Siak, Tuhfat Al-Nafs dan sebagainya tidak mengandungi apa-apa faedah yang mengambarkan latar belakang sosio-politik-ekonomi dan intelektual masyarakat Alam Melayu. Hal ini telah diulas dengan cukup baik oleh Dr. Tantiana A. Denisova dan Hussain Othman yang mendedahkan mutu intelektual yang terkandung di dalam kesemua sumber sejarah Alam Melayu ini (Othman, 2008).

Dirujuk kepada elemen epistemologi-metodologinya, ilmu kolonial telah melakukan beberapa kesilapan utama dalam menilai sember sejarah Islam tempatan, termasuklah kepada sumber ajaran Islam itu sendiri. Pertama, mereka melakukan pemakaian pemakaian konsep sejarah Barat di dalam menilai sumber sejarah Alam Melayu. Antara keduanya, ternyata sekali world-view pegangannya tidak sesuai dengan konstektual Alam Melayu. Bagi mereka, berasaskan falsafah racism euro-centric, hanya kerangka epistemologi konsep sejarah mengikut pemahaman Barat sahaja yang dianggap paling betul secara mutlaknya.

Kedua, sebelum kedatangan kuasa kolonial, masyarakat Alam Melayu dianggap tidak memiliki sejarah yang jelas, kabur dan bersifat tradisional. Andainya dilakukan kajian mendalam, ia menunjukkan beberapa perkara:

- i) Sebelum mereka datang, orang Melayu tidak bertamadun seterusnya mengajar orang Melayu jangan mempercayai sejarah keunggulan silam. Sebaliknya ia harus dilupakan dan cukup bergantung pada British untuk membawa kemajuan.
- ii) Kedatangan mereka adalah untuk menyelamatkan orang Melayu daripada kejahatan sendiri. Mereka ingin menunjukkan bahawa kedatangan mereka membawa maksud yang murni dan menyembunyikan niat jahat mereka ingin menjajah dan mengaut hasil bumi masyarakat Melayu. Jadi mereka menciptakan teori kejahatan sistem feudal Melayu yang menindas ahli masyarakat. Jadi, bagi menutup kejahatan sendiri mereka menuduh masyarakat Melayu yang jahat.
- iii) Mereka mendakwa hanya sumber catatan mereka sahaja yang bersifat objektif dan boleh dipercayai kerana sumber sejarah tempatan penuh dengan elemen mitos. Sedangkan catatan sejarah mereka penuh dengan kelemahan merangkumi; a) tidak mendalam dan dibuat secara sepantas lalu; b) sarat dengan agenda British yang hanya terhad tentang Negeri Melayu Bersekutu dalam temanya hanya berkisar soal kezaliman raja Melayu.
- iv) Dalam usaha menerangkan kejahatan pembesar Melayu menindas masyarakat sendiri mereka menggunakan teori Barat (Marx-Kapitalis) untuk menerangkan keburukan sistem feudal Melayu. Masalahnya mana mungkin pengalaman masyarakat luar (Eropah) yang berbeza latar belakang sejarah konstektualnya disamakan dengan realiti Alam Melayu.

Mereka membahagikan sejarah kepada dua jenis, sejarah tradisional dan moden. Kononnya, hanya selepas kuasa Barat datang barulah elemen sejarah moden itu timbul yang dianggap sebagai sejarah yang bermanfaat untuk dikaji. Maklumat tempatan tidak diakui kerana penuh dengan elemen mitos, sebaliknya masyarakat Alam Melayu hanya patut bergantung kepada catatan orang Barat tentang masyarakat Melayu untuk mengetahui makna sejarah sebenar. Atas dasar ini, mereka mengistiharkan sejarah negeri-negeri Melayu seperti Kelantan, Terengganu dan Pahang sebagai kabur dan tidak jelas (Graham, 1908). Lebih tepat lagi, mereka enggan mengakui sejarah tamadun Melayu Islam sebelum kedatangan kuasa kolonial. Akibatnya, sejarah tamadun Melayu tradisional dianggap tidak wujud, bahkan ditenggelamkan sama sekali. Sebagai alternatifnya, andainya masyarakat Melayu ingin mengetahui sejarah mereka sendiri, mereka perlu merujuk kepada catatan sarjana kolonial (Dolah, 1983).

Catatan sejarah milik sarjana kolonial ini agak sempit yang hanya tertumpu di Negeri Melayu Bersekutu. Contohnya, sejarah negeri Melayu lain seperti Pahang dikatakan hanya bermula pada abad ke19. Ia hanya menumpukan kepada isu pergelakan politik yang penuh dengan keadaan huru hara yang memerlukan campurtangan British untuk melahirkan Law And Order di negeri terbabit. Hal ini memang diterangkan dalam catatan sarjana-pentadbir kolonial dan tali barutnya, Abdullah Munsyi (Rahamad, 2009). Lebih malang lagi, dalam kesemua catatan sejarah ini, masyarakat Melayu digambarkan sebagai masyarakat yang penuh elemen negatif dan penuh penindasan yang dilakukan oleh pembesar kepada masyarakat Melayu (Dolah, 1983).

Hasil kajian yang dilakukan oleh Husin Othman, terdapat sejumlah besar sarjana-pentadbir kolonial Portugis, Belanda dan British yang berusaha melakukan kajian tentang masyarakat Melayu. Dalam kesemua karya ini, trend utama yang dipakai adalah cuba memperlihatkan seolah-olah mereka yang menemui dan bertanggungjawab membangunkan tamadun Alam Melayu (Othman, 2011). Karya-karya sarjana-pentadbir kolonial ini walaupun berguna untuk dikaji, tetapi kesemuanya perlu dipandang secara kritikal kerana ianya mempergunakan beberapa paradigma kolonial yang sarat dengan kepentingan kolonial.

Di zaman selepas merdeka, ilmu kolonial telah mula dikritik hebat oleh sarjana tempatan. Berbanding dengan pendekatan keilmuan era penjajah, kita dapat mengesan usaha sarjana tempatan melakukan rekonstruksi sejarah tempatan dari perspektif yang lebih holistik. Ia membabitkan skop yang agak luas merangkumi bidang perundangan Islam, perundangan, sastera, sains sosial, pentadbiran awam, ekonomi, pendidikan, pemikiran, pengurusan dan sebagainya (Aziz, 2011).

#### **4.0 KESIMPULAN**

Boleh dikatakan bahawa penjajahan kuasa barat di Alam Melayu antara lainnya telah melahirkan ilmu kolonial yang dipergunakan untuk mengkaji masyarakat tanah jajahan secara lebih tuntas. Seterusnya ilmu kolonial ini memberi impak yang agak besar dalam aspek permuziuman di Malaysia. Ia menuntut pengkaji yang terkemudian melakukan kajian lanjutan yang lebih konstruktif terhadap warisan ilmu kolonial ini. Sebagai usaha mendaulatkan sejarah masyarakat Melayu, kesemua ilmu kolonial ini berserta dengan dasar yang timbul daripadanya perlu dikaji secara kritikal bagi memperbetulkan semua kesalahan yang terkandung di dalamnya.

#### **Rujukan**

- Wright, A., & Reid, T. H. (1912). *The Malay Peninsula*. London: London Publisher.
- Mat Tom, A. A. (2000). *Politik al-Imam*. Kuala Lumpur: DBP.
- Sham, A. H., & Salim, M. (1995). *Sastera undang-undang*. Kuala Lumpur: DBP.
- Sham, A. H. (3-4 Oktober, 1995). Langkah-langkah memasyarakatkan manuskrip melayu. *Kertas kerja dibentangkan di Seminar Antarabangsa Manuskrip Melayu*. Kuala Lumpur: PNM, 3.
- Elias, A. (2012). Kecenderungan paksi India: Implikasinya terhadap pensejarahan islam di alam melayu. mohd zaidi ismail (edit). *Adab dan peradaban: Karya peng'i'tirafan untuk syed muhammad naquib al-attas*. Petaling Jaya: MPH Publishing.
- Mohd Noor, A. (2001). Pensejarahan di dalam tradisi Barat dan Melayu: Satu perbandingan ringkas, h. 26-27. (Edit) Redzuan Othman, *Jendela Masa*, Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- Alwee, A. I. (1-3 September 2002). Orientalisme dalam pengajian melayu. *Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera Dan Kebangsaan Melayu Ke 2*. Jabatan Bahasa dan Kebudayaan Melayu. Kumpulan Akademik Bahasa dan Kebudayaan Asia, Institut Pendidikan Nasional.

- Aziz, A. (2011). Transisi penting sistem berkerajaan di alam melayu: Kes Malaysia. *Akademika*. 81(2), 79-92.
- Peacock, B. A. V. (1955). *A report on museum in Malaya 1954, federation of malaya*. Kuala Lumpur.
- Barlow, H. S. (1995). *Swettenham*. Kuala Lumpur: Southdene Bhd.
- Turner, B. S. (1964). Gustave E. Von Grunebaum and the mimesis of Islam. *Orientalism, Islam and Islamist*, h. 193-202.
- Boxer, C. R. (1965), Some Portuguese sources for Indonesian historiography, dalam soedjatmoko (Eds), *An Introduction to Indonesian Historiography*, New Haven : Cornell University Press
- De Eredia, E. G. (1930). The description of Malacca. *JMBRAS*. 8(1), 31.
- Said, E. (1981). *Covering Islam, how the media and the experts determine hows we see the rest of the world*. New York: Pantheon Books.
- Said, E. W. (1985). *Orientalism*. Middlesex: Penguin Books.
- Swettenham, F. (1893). *About Perak*. Singapore: Straits Times Press.
- Swettenham, F. (1895). *Malay sketch*. New York: Mc Millan.
- Swettenham, F. (1955). *British Malaya*. London: Reprinted.
- Dolah, H. (1983). Struktur dan hubungan masyarakat melayu tradisional berdasarkan sejarah melayu: satu perbincangan teoritis. *SARI*. 1(2), 125-139.
- Othman, H. (2008). Conceptual understanding of myths and legends in malay history. *SARI*. 26, 91-110.
- Othman, H. (2011). Malay Muslim history as seen by Western kolonialist. *World Journal of Islamic History and Civilization*. 1(2), h. 91-110.
- Imam Syaukani (1999). *Rekonstruksi epistemologi hukum Islam di Indonesia*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.
- Just World Trust (7-9 Oktober 1995). Terrorising the truth: The shaping of contemporary images of Islam and Muslims in media, politics and culture. Kertas kerja dibentangkan di Prosiding. *Just World Trust*.
- Siddiqui, K. (1996). *Ke arah revolusi Islam*. Terjemahan Hanapi Dolah. Kuala Lumpur : Islamic Book Trust.
- Groeneboer, K. (1999). Politik bahasa kolonial di Asia. *Wacana*. 1(2), 201-220.
- Johan, K. (1979). Perkhidmatan tadbir Melayu: Tradisi dan peranan dalam konteks kerajaan penjajah. *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*. Kuala Lumpur.
- Hooker, M. B. (1984). *Islamic law in Southeast Asia*. Singapore: Oxford University Press.
- Rahamad, M. S. (2009). Pengaruh Barat dalam persuratan awal di Malaysia. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*. 11(1), 113-132.
- Abd Rahman, M. F. (2012). Pandangan orientalis terhadap masyarakat Islam di Tanah Melayu: Analisa terhadap karya pilihan R.O. Winstedt. *Jurnal Fiqh*. 9, 87-112.
- Abdul Murad, M. H. S. (2005). Epistemologi kolonial: Satu analisistem ciri dan kesannya. (Edit) Mohamad Daud Mohamad. *Pascakolonialisme dalam Pemikiran Melayu*, Kuala Lumpur: DBP.
- Abdul Rani, M. Z. (2005). Antara Islam dan Hinduisme di alam Melayu: Beberapa catatan pengkaji Barat. *SARI*, 23, 67-82.
- Othman, M. R. (1988). The role of Makka-educated Malays in the development of early scholarship and education in Malaya. *Jurnal of Islamic Studies*. 9 (2).
- Siddiqi, M. N. (1996). The philosophy and the nature of Islamic research dalam *Conceptual and Methodological Issues in Islamic Research*, 73-78. Kuala Lumpur : DBP.
- Mault, N. A. (2005). Java as a Western construct: An examination of Sir Stamford Raffles's history of Java. Tesis Sarjana. Louisiana State University.
- Ahmad, N. H. (2016). *Pengenalan Kepada Dunia Permuziuman*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia.
- Sullivan, P. (1982). *Social Relations of Dependence in a Malay State: Nineteenth Century Perak*. Kuala Lumpur: Council of the M.B.R.A.S.
- Wheeler, R. (1996). *The modern Malay*. Singapore: Oxford University Press.

- Winstedt, R. O. (1934). A history of Perak. *JMBRAS*. 12 (1), 73.
- Abd. Rahim, R. A. (2003). pengamalan ilmu usul al-fiqh di dalam sastera undang-undang melayu: Satu analisa, h. 178-179. Muhammad Mokhtar Hassan (ed.). *Kesusasteraan dan Undang-Undang*. Kuala Lumpur: Penerbitan Akademi Pengajian Melayu, UM.
- Al-Attas, S. M. N. (1969). *Preliminary statement on a general theory of the islamization of the malay-indonesian archipelago*. Kuala Lumpur: DBP.
- Wang, S. W. T. (1991). British strategic interests in the straits of Malacca 1786-1819. Tesis Sarjana. Simon Fraser University.
- Baharuddin, S. A. (1983). Perancangan pembangunan negara selepas merdeka 1957-1975: Tinjauan sejarah perkembangan sosio-ekonomi Malaysia, h. 337-339. Dalam Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Raja, S. S. (2015). The early British administrators in the Malay states, 1874-1909. *Jurnal Sejarah*, 23(1), 32-39.
- Sudibyo. (2007). Kembali ke filologi: Filologi Indonesia dan tradisi orientalisme, *Humaniora*. 19, 107-118.
- Al-Attas, S. H. (2005). Watak tertawan di negara membangun, h. 2-10. Ed. Mohamad Daud Mohamad. Dalam *Pascakolonialisme Dalam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: DBP.
- Al-Junied, S. M. K. (2003). From noble Muslims to saracen enemies: Thomas Stamford Raffles's discourse on Islam in the Malay world. *SARI*. 21, 13-29.
- Raffles, T. S. (1930). *Memoir of the life and public services of Sir Stamford Raffles*. London.
- Denisova, T. (2008). Kajian teks-teks Melayu Islam Di Barat: Masalah dan kesalahfahaman utama. *Afkar*. 9, 129-156.
- Graham, W. A. (1908). *Kelantan: A state of the Malay*. Glasgow: J. Maclehose and Sons.
- Richmond, W. L. (1928). *The modern Malay*. London: George Allen & Unwin Ltd.
- Skeat, W. W. (1967). *Malay magic: Being an introduction to the folklore and popular religion in the Malay Peninsula*. New York: Dover Publications.
- Gungwu, W. (1970). *Scholarship and the history and politics of Southeast Asia*. Flinders University of South Australia.
- Kling, Z. (1994). *Antropologi tafsiran: Sumbangan kebudayaan Melayu kepada teori*, Syarahan Perdana Untuk Pengukuhan Profesor, Kuala Lumpur.